

# Kegemilangan yang dipandang sepi

Kosmo m/s 21 6/3/07

SEJAK penubuhannya, Kelab Sultan Sulaiman sering dijadikan tempat bermesyuarat oleh pelbagai persatuan. Antaranya ialah Sahabat Pena, Persatuan Penulis-Penulis Melayu Malaya, Persatuan Melayu Selangor dan sebagainya.

Ia juga digunakan untuk mengadakan Kongres Wartawan bagi menubuhkan Kesatuan Wartawan Melayu Se Malaya pada 18 Ogos 1940.

Penggunaan kelab ini amat aktif sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. UMNO sering mengadakan mesyuarat agongnya di kelab ini, begitu juga Pemuda UMNO yang menggunakannya untuk mesyuarat tahunan mereka.

Selepas kemerdekaan, ia jarang digunakan kerana kebanyakan persatuan mempunyai bangunan mereka sendiri.

Pada tahun 1960-an dan 1970-an, kelab tidak lagi aktif. Namanya hanya muncul sekali-sekala iaitu apabila terdapat apa-apa perjumpaan penting, umpamanya perjumpaan anggota UMNO menjelang pilihan raya khususnya.

Sewaktu pendudukan Jepun di Tanah Melayu, aktiviti kelab juga terhenti untuk sementara waktu. Bangunan kelab digunakan sebagai markas tentera Jepun, tempat menyimpan barang-barang dan tempat tinggal pegawai-pegawai tentera Jepun.

Padang kelab pula digunakan oleh tentera Jepun untuk menanam ubi keledak dan ubi kayu bagi bekalan makanan mereka.



MASYARAKAT perlu mengkaji semula peranan bangunan kelab Melayu tertua ini.

Sewaktu Tragedi 13 Mei 1969, bangunan Kelab dijadikan tempat perlindungan orang Melayu yang lari dari kawasan berdekatan dan sekitar Chow Kit serta sebagai markas tentera dan polis hutan.

Pada akhir tahun 1970 dan awal 1971, ia digunakan sebagai tempat perlindungan mangsa-mangsa banjir Kampung Baru ketika banjir besar melanda Kuala Lumpur.

Jasa kelab kepada masyarakat se-

kitar Kampung Baru pasti tidak dapat dilupakan.

Apabila negara memulakan siaran televisyen pada tahun 1963, kelab ini menyediakan sebuah televisyen pada tahun 1964 di bahagian luar bangunannya untuk tontonan ahli-ahli kelab dan orang ramai.

Secara tidak langsung, ia memberi hiburan kepada masyarakat setempat yang belum mampu memiliki televisyen ketika itu.

Bagaimanapun, tidak lama kemudian, sekumpulan budak nakal membaling batu dan merosakkan televisyen itu. Selepas kejadian itu, televisyen tidak lagi disediakan lagi untuk masyarakat sudah mampu membelinya.

Aktiviti kesukanan seperti bola sepak, tenis, kriket, badminton dan ragbi turut digiatkan di kelab. Ia melahirkan beberapa jaguh bola sepak seperti Zainal Abidin, Hanafiah Ali, Kang Hang Meng, Zulkifli Nobit dan Ghani Minhat.

Melalui tenis, ia menonjolkan kehandalan almarhum Sultan Pahang Sultan Abu Bakar yang merupakan orang Melayu pertama mempelopori permainan tenis.

Selain itu, acara kesenian seperti pertunjukan bangsawan dan permainan muzik tradisional seperti ghazal serta aktiviti belajar menjahit, memasak dan menguruskan rumah tangga turut diadakan.

Zaman kegemilangan kelab itu adalah hasil titik peluh pemimpin dan anggota kelab serta masyarakat sekeliling dan ia disegani oleh persatuan-persatuan lain di Kuala Lumpur.

Namun, kini gah dan kehebatannya telah dimamah usia dan waktu. Bangunannya juga dipandang sepi.

Anggota kelab dan masyarakat perlu mengkaji semula peranan Kelab Sultan Sulaiman agar ia kembali mekar seiring dengan peredaran masa di samping menyedarkan rakyat terutama generasi muda tentang peranannya dalam sejarah negara. - Bernama